POLITEKNIK MALAYSIA SEBERANG PERAI

# DPB50163 BUSINESS PROJECT

## LAPORAN AKHIR

# INOVASI *EFINANCE4U* DALAM MENGURUSKAN KEWANGAN ISLAM DI KALANGAN PENIAGA KECIL


| | |
|---|---|
| **HAMDAN B MOHAMED** | **10DIB19F1032** |
| **AMIRUL SYAFIQ DANIAL B YUSOF** | **10DIB19F1218** |
| **NURSHAFIDA BINTI MOHD BADRUL HISHYAM** | **10DIB19F1065** |
| **NUR ALIA BALQIS BINTI AZMI** | **10DIB19F1206** |
| **NOORZAREN SUFIAH BINTI NOORSHAMSULLKUMAR** | **10DIB19F1215** |

**JABATAN PERDAGANGAN**


**SESI 1 2021/2022**

## ISI KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR** | **I** |
| **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR** | **II** |
| **PERAKUAN PELAJAR** | **III** |
| **PENGHARGAAN** | **IV** |
| **RINGKASAN EKSEKUTIF** | **V** |
| **BAB 1 : PENGENALAN** | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2-3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 4-5 |
| 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| 1.5 Justifikasi Kajian | 6 |
| 1.6 Skop Kajian | 7 |
| 1.7 Takrifan Istilah | 7 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 8 |
| **BAB 2 : KAJIAN LITERATUR** | |
| 2.1 Pendahuluan | 9 |
| 2.2 Kajian-Kajian Lepas | 9 |
| 2.2.1 Kajian Berkaitan Perancangan Kewangan Islam | 9-11 |

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Laman Web 11-14

**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan 15

3.2 Rekabentuk Kajian 15

3.2.1 Tinjauan Awal Keperluan Kajian 16-17

3.2.2 Teknik Penghasilan Projek 18-20

3.2.3 Kaedah Pengumpulan Data 20-27

3.2.4 Kaedah Analisis Data 27-28

**BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pendahuluan 29

4.2 Dapatan Kajian/Pengujian

4.2.1 Projek Jenis Nyata 29-35

4.3 Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk) 35-36

4.3.1 Impak Produk 36-38

4.4 Kos Penghasilan Projek 38

**BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan 39

5.2 Kesimpulan 39

5.3 Cadangan 40-41

5.4 Limitasi Kajian 41-42

5.5 Rumusan 42

**RUJUKAN** 43-44

**LAMPIRAN**

Lampiran 1 45

Lampiran 2 46-55

# PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk ‘Inovasi *Efinance4u* Dalam Menguruskan Kewangan Islam Di Kalangan Peniaga Kecil’ dalam menguruskan kewangan islam dalam kalangan peniaga kecil’ telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK WAN MOHD RUSHDI BIN W.A. LAH

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

**PERAKUAN PELAJAR**

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 
   Nama: HAMDAN B MOHAMED
   No. Pendaftaran: 10DIB19F1032

2. Tandatangan: 
   Nama: AMIRUL SYAFIQ DANIAL B YUSOF
   No. Pendaftaran: 10DIB19F1218

3. Tandatangan: 
   Nama: NURSHAFIDA BINTI MOHD BADRUL HISHYAM
   No. Pendaftaran: 10DIB19F1065

4. Tandatangan: 
   Nama: NUR ALIA BALQIS BINTI AZMI
   No. Pendaftaran: 10DIB19F1206

5. Tandatangan: 
   Nama: NOORZAREN SUFIAH BT NOORSHAMSULLKUMAR
   No. Pendaftaran: 10DIB19F1215

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project** yang bertajuk **Inovasi *Efinance4u* Dalam Menguruskan Kewangan Islam Di Kalangan Peniaga Kecil**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Encik Wan Mohd Rushdi Bin W.A. Lah, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, pihak berkolaborasi (Ailly.Beautystore, Imanis.Dessert HQ, Pizza Anuar, Aein Mee Rebus, Mamasab), ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project**, **Inovasi *eFinance4u* Dalam Menguruskan Kewangan Islam Di Kalangan Peniaga Kecil** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Peniaga kecil ini adalah peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menggunakan modal yang rendah dan skop kajian kami melibatkan peniaga kecil di serata negeri. Dikenalpasti bahawa timbulnya masalah dimana kurangnya pemahaman peniaga kecil mengenai perancangan kewangan Islam dan tidak dapat menguruskan kewangan perbelanjaan dalam perniagaan dengan baik telah dibincangkan. Jadi dengan itu, satu inovasi kajian berkaitan laman web eFinance4u telah dibangunkan. Dimana, objektifnya untuk mengenal pasti masalah kelompok peniaga kecil dalam merekod dan mencatat transaksi harian perniagaan dan mencadangkan kepada mereka satu produk inovasi untuk kelompok peniaga kecil dengan menghasilkan aplikasi yang diakses melalui laman web iaitu laman web *eFinance4u*. 2 kaedah telah digunakan dalam mengenal pasti objektif kajian yang dilakukan iaitu melalui kualitatif dan kuantitatif kajian. Dan hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan 80% menunjukkan mereka mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan perbelanjaan perniagaan dan kurang ilmu pengetahuan mengenai perancangan kewangan Islam. Jadi, dengan terhasilnya inovasi yang dibangunkan, ianya dapat menyelesaikan masalah yang berdepan dengan peniaga kecil ini. Kesimpulannya, objektif kajian ini telahpun berjaya dilakukan dimana hasil dapat membantu peniaga dan usahawan PMKS menjejak dan menguruskan kewangan perniagaan mereka dengan baik.

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang kurangnya pemahaman peniaga kecil mengenai perancangan kewangan Islam dan tidak dapat menguruskan kewangan perbelanjaan dalam perniagaan dengan baik.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian berkaitan dengan peniaga kecil. Peniaga kecil ini adalah peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menggunakan modal yang rendah dan skop kajian kami melibatkan peniaga kecil di serata negeri. Jenis perniagaan adalah secara pemilikan tunggal. Walau bagaimana pun, kajian ini hanya tertumpu kepada peniaga-peniaga kecil sahaja iaitu perniagaan mikro.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian tentang pemahaman peniaga kecil mengenai kepentingan perancangan kewangan Islam. Di samping itu juga, pengkaji membuat kajian tentang beberapa peniaga kecil yang menghadapi masalah merekod dan mencatat transaksi pembelanjaan, pendapatan harian dan bulanan.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah menguruskan kewangan Islam yang betul dan berkesan adalah sangat penting untuk memastikan sesebuah perniagaan dalam keadaan baik dan dapat berkembang dengan lebih maju dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, tidak semua peniaga dapat merancang kewangan perniagaan mereka dengan teratur mengikut kaedah Islam terutamanya golongan peniaga yang berniaga secara kecil-kecilan. Peniaga kecil ini adalah daripada kategori sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Oleh kerana itu, kajian ini adalah bertujuan untuk membantu peniaga kecil memahami dengan lebih baik tentang perancangan kewangan Islam seterusnya memperkenalkan sebuah inovasi baru yang dapat memudahkan peniaga kecil dalam menguruskan kewangan perniagaan mereka.

Perancangan kewangan Islam adalah merupakan satu proses dalam jangka masa yang panjang dan urusan perniagaan berdasarkan prinsip-prinsip kewangan yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam. Proses ini adalah untuk membantu peniaga kecil menguruskan kewangan seterusnya dapat menolong mereka untuk mencapai matlamat perniagaan yang diidamkan. Sesebuah perniagaan mestilah menitikberatkan perkara asas prinsip dan nilai islamik untuk mencapai etika perniagaan Islam. Hal yang demikian adalah seperti perniagaan tersebut mestilah bebas daripada aktiviti kewangan yang dilarang di sisi agama Islam iaitu transaksi riba, gharar dan maysir yang boleh membawa keburukan kepada sistem sosial dan ekonomi dan hanya menjalankan transaksi perniagaan yang halal dan dibenarkan dalam Islam.

Pelaksanaan Etika Perniagaan Islam (EPI) adalah merupakan perkara asas dalam sektor PMKS. EPI ini adalah tentang kaedah membuat keputusan dalam perniagaan secara jelas, tersusun dan membawa kebaikan ataupun disebut sebagai al-khayr untuk semua. Selain itu, etika dan perniagaan ini dianggap saling melengkapi dan merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Islam telah menggariskan hubungan yang jelas di antara perniagaan dan kepercayaan beragama. Situasi ini menggambarkan cara hidup terbaik melalui hubungan timbal balik di antara agama dan perniagaan.

Seperti yang semua sudah sedia maklum, negara kita telah dilanda pandemik Covid-19 dan negara telah melaksanakan Kawalan Pergerakan yang ketat. Menurut Berita Harian Online pada Julai yang lalu, sektor PMKS telah mengalami kerugian sebanyak RM 40.7 bilion dan rekod ini adalah merupakan kerugian terbesar yang pernah dialami oleh peniaga-peniaga kecil di Malaysia. Berdasarkan kajian data menunjukkan bahawa sektor PMKS yang berdaftar adalah sebanyak 1.15 juta. Oleh hal yang demikian, dianggarkan setiap syarikat PMKS menanggung penurunan purata pendapatan berjumlah RM 35, 000 (BERNAMA, 2021). Selain itu, menurut Berita Harian pada 28 September yang lalu menyatakan bahawa sebanyak 37,415 perniagaan terpaksa gulung tikar dan berhenti daripada beroperasi kerana mengalami masalah kewangan yang kritikal (Mohd Iskandar Ibrahim, 2021).

Oleh kerana itu, situasi ini telah memberi kesedaran bahawa perancangan kewangan terutamanya dalam perniagaan juga amat penting kerana sekiranya diambil mudah ianya boleh mendatangkan kesan yang negatif bukan sahaja terhadap peniaga kecil tersebut malah turut mengganggu ekonomi negara Malaysia. Oleh hal yang demikian, kami mengambil inisiatif untuk mengkaji dan memberi fokus kepada golongan peniaga kecil agar dapat membantu mereka membuat persiapan dan perancangan terhadap kewangan perniagaan mereka sendiri. Untuk makluman, kajian kes ini meliputi peniaga yang berniaga atas talian dan berniaga di premis kedai. Oleh itu, kami melakukan inisiatif untuk memperkenalkan secara umum tentang perancangan kewangan Islam seterusnya mempromosikan inovasi yang boleh digunakan oleh peniaga kecil.

Walaupun peniaga berada dalam sektor PMKS, namun aktiviti merekod transaksi kewangan perniagaan perlulah dilakukan dengan teratur kerana tanpa sistem pengurusan kewangan yang baik, segala keputusan perniagaan tidak dapat dilakukan dengan tepat kerana banyak proses pembuatan keputusan dalam perniagaan ditentukan melalui maklumat dan data-data kewangan. Pengurusan kewangan merupakan isu penting kerana perkara tersebut adalah sebagai salah satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara. Ilmu dalam kewangan dilihat sebagai keupayaan peniaga kecil menggunakan pengetahuan serta kemahiran bagi menguruskan kewangan dengan berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan perniagaan dan peniaga kecil juga adalah salah satu pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara.

## 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pengetahuan peniaga kecil berkaitan perancangan kewangan Islam yang kurang disebabkan beberapa faktor atau isu. Isu yang dihadapi oleh peniaga kecil adalah berkaitan peniaga kecil menghadapi masalah kurangnya pemahaman tentang perancangan kewangan berdasarkan syariah dan nilai Islam dalam merekod data dan menghitung pendapatan kewangan perniagaan dengan tepat. Terdapat data jualan responden dari peniaga kecil yang dipilih sebagai sampel kajian yang menghadapi masalah tersebut di dalam Malaysia.



Rajah 1.1 data jualan

Berdasarkan hasil pemerhatian daripada data jualan dari responden di rajah 1.1, pihak pengkaji mendapati terdapat masalah yang dihadapi dalam merekod data jualan, pendapatan barangan kosmestik dan kecantikkan. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh responden dalam merekod data jualan produk dan menentukan pengiraan pendapatan. Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan peniaga kecil dalam merekod data-data jualan dan memudahkan menentukan pengiraan pendapatan.



Rajah 1.2 Data jualan dan resit pembelian

Berdasarkan pemerhatian di Rajah 1.2 dari responden, pengkaji mendapati bahawa responden mempunyai masalah untuk merekodkan transaksi jualan dan resit-resit pembelian. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh responden dalam memudahkan merekod transaksi jualan dan resit-resit pembelian. Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan peniaga kecil dalam merekod transaksi jualan dan menyimpan resit-resit pembelian dalam menentukan pendapatan yang tepat.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif spesifik adalah seperti berikut:

1) Mengenal pasti masalah kelompok peniaga kecil dalam merekod dan mencatat transaksi harian perniagaan.
2) Mencadangkan dengan menubuhkan satu produk inovasi untuk kelompok peniaga kecil dengan menghasilkan aplikasi yang diakses melalui laman web.

## 1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji, pemilihan sistem ini dipilih untuk membantu peniaga dalam pengurusan kewangan perbelanjaan. Dengan adanya sistem ini, proses menguruskan kewangan perbelanjaan peniaga kecil dapat diuruskan dengan lebih efisien dan sistematik.

a) **Justifikasi pemilihan peniaga kecil (kajian kes)** - Pemilihan peniaga kecil ini dibuat untuk memastikan mereka dapat menguruskan perbelanjaan dalam keadaan yang baik. Hal ini kerana kebanyakkan peniaga kecil tidak mencatat rekod perbelanjaan harian dengan teliti. Justeru, terdapat juga peniaga kecil yang merekodkan perbelanjaan mereka di dalam buku secara bertulis dan melalui penyimpanan resit perbelanjaan harian.

b) **Justifikasi pemilihan kaedah analisis SWOT/analisis keperluan dan kepenggunaan -** Berdasarkan pemilihan projek ini, secara keseluruhannya ia memberi impak yang positif iaitu dapat membantu peniaga kecil dalam menguruskan perniagaan mereka dengan lebih efisien. Dengan ini, ia dapat memberi impak yang positif kepada ekonomi negara. Selain itu, terdapat juga kelemahan ketika melaksanakan projek ini tambahan pula pada musim pandemik ini kami terpaksa mengagihkan tugas untuk setiap orang dalam membuat temu ramah bersama peniaga. Ini juga telah menyebabkan kekurangan dari segi komunikasi sesama sendiri. Justeru, projek ini dapat memberi peluang kepada peniaga kecil dalam menaik taraf perniagaan mereka. Sebagai contoh, peniaga kecil dapat membuat perancangan kewangan jadi peniaga akan lebih nampak keuntungan yang diperoleh dan duit keluar masuk. Dengan itu, ia akan menjadi motivasi kepada mereka untuk lebih bekerja keras dalam menguruskan perniagaan mereka. Akhir sekali, kami tidak menafikan bahawa projek laman sesawang mengenai perancangan kewangan ini bukanlah yang pertama, terdapat juga pelbagai pihak yang membuat aplikasi seperti ini. Antaranya aplikasi '*goodbudget'* yang membantu individu menganggarkan kesemua bil dan perbelanjaan dengan proaktif berbanding aplikasi kami, ia dibuat khas untuk peniaga kecil menguruskan kewangan perniagaan mereka.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang kewangan perbankan Islam yang membincangkan berkaitan isu pengurusan kewangan perbelanjaan perniagaan kepada peniaga kecil. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada dua objektif utama. Pertama untuk memudahkan pemahaman kepada peniaga kecil mengenai kepentingan perancangan kewangan Islam. Kedua, menghasilkan aplikasi bagi membantu peniaga kecil dalam menjejak kewangan harian. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan ini ia dibataskan kepada aspek batasan aspek kajian. Batasan aspek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi perancangan kewangan. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

## 1.7 TAKRIFAN ISTILAH

1.7.1 *Islamic Financial Planning* atau perancangan kewangan Islam di definasikan sebagai satu proses di mana matlamat kewangan seseorang individu yang melibatkan pengurusan aktiviti ekonomi berkaitan dengan urusniaga kewangan dan harta dalam sektor ekonomi, digunakan untuk membangun dan melaksanakan pelan yang menyeluruh untuk mencapai matlamatnya yang mematuhi syariah dan akhirnya mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Matlamat perancangan kewangan yang mematuhi syariah Islam menjadikan aspek kewangan sebagai contoh teladan yang baik di dunia dan di akhirat. Justeru itu, bagi memastikan matlamat ini dicapai, beberapa aspek yang dititikberatkan oleh Islam perlu diambil kira terutamanya memperoleh keberkatan.

## 1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran dan pendedahan umum terhadap peniaga kecil tentang kepentingan *Islamic Financial Planning* atau perancangan kewangan Islam dalam menjalankan perniagaan yang patuh syariah serta merekod data dan menghitung pendapatan kewangan perniagaan dengan tepat. Oleh kerana peniaga kecil kurang pendedahan dalam hal ini, hasil kajian ini dapat membantu peniaga kecil serba sedikit mengenai kepentingan perancangan kewangan Islam dan juga diharapkan dapat menjadi suatu pengetahuan berguna melalui inovasi yang dihasilkan oleh pengkaji melalui aplikasi jejak perbelanjaan yang sedikit sebanyak dapat membantu peniaga kecil menjejak kewangan harian.

Selain itu, melalui kajian seperti ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas kepada peniaga kecil terhadap kepentingan perancangan kewangan Islam serta peniaga kecil mampu mengetahui pelbagai faedah dan kelebihan perancangan kewangan Islam dengan menggunakan inovasi yang dihasilkan oleh pengkaji memandangkan ianya selamat dan patuh syariah.

Selaras dengan matlamat dan objektif dalam perancangan kewangan Islam untuk membolehkan peniaga kecil mencapai matlamatnya dalam perniagaan yang mematuhi syariah dan akhirnya mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T, dengan menerapkan dan mempraktikkan amalan-amalan dan unsur-unsur islamik tersebut dalam merekod perbelanjaan harian menggunakan aplikasi jejak perbelanjaan dapat membantu dan mengelakkan peniaga kecil daripada aktiviti kewangan yang dilarang di sisi Islam.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melaksanakan penyelidikan seterusnya. Walaupun hasil kajian ini tidak dapat membantu pengkaji seterusnya 100% tetapi sedikit sebanyak ia tetap dapat membantu memberi pengkaji gambaran bagaimana untuk melaksanakan penyelidikan seterusnya dan menguatkan objektif mereka kerana perancangan kewangan Islam amatlah penting buat masa sekarang dan juga pada masa hadapan.

# BAB 2

# KAJIAN LITERATUR

## 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkut paut dengan topik kajian ini, iaitu berkaitan dengan perancangan kewangan mengikut Islam dan juga penghasilan laman web '*eFinance4u*' dalam membasmi masalah-masalah yang dihadapi. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

## 2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan Perancangan Kewangan Islam.

### 2.2.1 Kajian Berkaitan Perancangan Kewangan Islam

Terdapat 5 kajian berkenaan perancangan kewangan Islam yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Mohd Faizal Rameli, Suhaida Mohd Amin, & Norajila Che Man et.al. (2019) mengenai pengurusan kewangan Islam dalam kalangan Muslimpreneurs menurut perspektif ilmuwan Islam di Malaysia menyatakan bahawa perancangan kewangan Islam penting dalam sesebuah perniagaan Islam dalam menghasilkan produk yang halal iaitu bebas daripada aktiviti riba, gharar dan maysir. Tujuan kajian adalah mendapatkan pandangan pakar berkaitan perniagaan Islam dalam pengurusan kewangan perniagaan. Hasil kajian ini menyatakan perancangan kewangan Islam melibatkan tiga elemen penting iaitu sumber yang halal, mendapatkan cara modal yang harus dan konsep asas peraturan Islam. Kesimpulannya, pengurusan kewangan hendaklah berdasarkan prinsip-prinsip kewangan yang telah ditetapkan

dalam ajaran Islam. Pada pendapat kami, kajian ini merumuskan perancangan kewangan Islam penting dalam sesebuah perniagaan yang diusahakan oleh usahawan Islam.

Seterusnya, menurut Norfaizah Othman dan Fadilah Mat Nor (2021) mengenai konsep kewangan Islam dalam pembangunan ekonomi Malaysia semasa pandemik *Covid-19* adalah sebuah sistem kewangan yang baik dan adil perlu dilaksanakan dalam menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga kewangan, terutamanya untuk menguruskan dana daripada unit lebihan (*surplus*) kepada unit kurangan (*deficit*). Kajian ini juga membincangkan tentang perancangan kewangan yang baik adalah diperlukan bagi mempertahankan ekonomi negara memandangkan penularan wabak *Covid-19*. Kata pengkaji lagi, sistem kewangan Islam adalah sebahagian daripada sistem ekonomi Islam yang menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi yang bebas daripada riba. Kesimpulannya, sistem kewangan Islam di Malaysia merupakan satu sistem kewangan Islam yang lengkap dan menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada pendapat kami, kajian ini memfokuskan tentang sistem perancangan kewangan Islam yang baik dengan keadaan negara yang dilanda *Covid-19*.

Selain itu, kajian oleh Mohd. Amim Othman, Husniyah Abd. Rahim dan Ab. Mumin Ab. Ghani (2015) mengenai perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam beragama Islam menyatakan bahawa perancangan kewangan Islam dapat meningkatkan kesejahteraan kewangan. Hasil perancangan kewangan yang baik akan menyebabkan seseorang individu akan berasa berpuas hati terhadap keadaan kewangan masing-masing dan mengurangkan beban kewangan individu dalam jangka masa panjang. Tujuan pengarang dalam kajian adalah menentukan tahap perancangan kewangan dan kesejahteraan kewangan penjawat awam yang beragama Islam. Kesimpulannya, produk kewangan halal penting dalam meningkatkan tahap kesejahteraan kewangan. Pada pendapat kami, perancangan kewangan Islam dan kesejahteraan kewangan saling berhubung rapat dalam kalangan penjawat awam yang beragama Islam.

Kajian yang seterusnya adalah daripada Muhamad Nur Aiman Mohd Noor, Junaina Muhammad, Mohd Daud Awang, et.al (2017) mengenai pengetahuan dan aplikasi perancangan kewangan Islam di kalangan operator halal perusahaan kecil dan sederhana di semenanjung Malaysia. Menurut kajian pengarang, perancangan kewangan Islam ialah salah satu bahagian penting dalam kewangan Islam kerana ia memainkan peranan besar dalam menyediakan dana patuh syariah dan memberi peluang pelaburan terutamanya kepada pengusaha halal iaitu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Hasil kajian menyatakan pengetahuan tentang perancangan kewangan penting seperti nilai integrasi penting dalam pengeluaran produk halal dalam perniagaan dan aktiviti perancangan kewangan mengikut Islam. Kesimpulannya, pengetahuan kewangan Islam adalah penting kepada pengusaha PKS untuk melaksanakan proses perancangan kewangan Islam yang baik dan teratur.

Kajian yang terakhir, menurut Noor Izyani Hassan Sabri & Khadijah Alavi (2019), mengenai meneroka literasi perancangan kewangan belia B40 berpandukan pendidikan psikososial adalah perancangan kewangan yang berkesan membolehkan pengurusan kewangan dilakukan dengan baik. Hal ini demikian kerana, tahap kepekaan yang tinggi terhadap perancangan kewangan akan memberi kesan kesejahteraan dalam kehidupan yang lebih baik kerana ianya tidak mengakibatkan akan berlakunya krisis dalam perbelanjaan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perancangan kewangan yang dibuat oleh belia B40 untuk melihat perbezaan cara pengurusan kewangan. Seterusnya, belia perlu mempunyai disiplin yang tinggi dalam menentukan antara keperluan dan kehendak dalam perancangan kewangan. Kesimpulannya, individu yang mampu untuk menguruskan kewangan mereka secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

### 2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Dan Laman Web Pengurusan Kewangan

Kajian yang dilakukan ini adalah kajian yang setara dengan kajian-kajian lepas dimana dapat menunjukkan bahawa pembangunan laman web merupakan medium yang dapat membangunkan inovasi kaedah baru dalam menyampaikan maklumat dan membantu pengguna dalam menguruskan kewangan dalam Islam. Terdapat lima kajian yang dijalankan

berkaitan keberkesanan aplikasi dan laman web hasil daripada kajian lepas ditemui oleh penyelidik.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Nur Fateeh Zulkarnain Bahari Idrus (2018) mengenai aplikasi mudah alih pengurusan kewangan (SMARTGAJI) adalah untuk membantu golongan muda yang baru bekerja bagi merancang kewangan mereka dengan lebih teliti dan membuat pembahagian gaji dengan lebih efisyen bersesuaian dengan ekonomi di Malaysia. Dalam kajian yang dijalankan, aplikasi mudah alih pengurusan kewangan SmartGaji telah dibangunkan dan proses pembangunan aplikasi tersebut adalah dengan menggunakan metod air terjun. Metod yang digunakan mempunyai beberapa fasa dan tiada pertindihan berlaku dalam setiap fasa yang dijalankan. Fasa-fasa tersebut adalah fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pengujian dan fasa penyelenggaraan. Sebelum menjalankan kajian ini di kalangan golongan muda, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (APKK) terlebih dahulu berkongsi dan menyarankan kepada golongan muda jumlah peratusan perbelanjaan isi rumah yang perlu dibuat. Ini bertujuan bagi menjamin kestabilan daripada segi kewangan. Secara keseluruhan, Fateeh mendapati bahawa pembangunan aplikasi SmartGaji ini memenuhi segala aspek keperluan, spesifikasi dan reka bentuk yang menjadikan kewangan lebih mudah untuk dilakukan dan mampu meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengurusan kewangan yang baik pada masa hadapan.

Selanjutnya, kajian yang dibuat oleh Husaina Banu Kenayathulla, Ranjeetham Subramaniam dan Muhammad Faizal A. Ghani (2015), mengenai pengurusan kewangan di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kuala Kangsar, Perak menunjukkan pengurusan kewangan di sekolah rendah ini menghadapi masalah dalam mengurus kewangan sekolah. Pengurusan kewangan yang tidak cekap menyebabkan pengurusan kewangan sekolah tidak berkesan. Dimana hasil menunjukkan bahawa peruntukan yang diterima oleh sekolah yang terletak diluar bandar tersebut tidak mencukupi untuk sekolah mendapatkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Justeru, kerajaan perlu mengeluarkan 1 solusi dengan mempertimbangkan semula keperluan sekolah dan mengkaji semula peruntukan yang harus diterima oleh sekolah bagi memastikan pengurusan sekolah dapat dijalankan dengan efisien.

Seterusnya, Surayah Ab Rahmad, et.al (2018) mengenai kajian tentang penggunaan perisian dalam meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan kewangan peribadi komuniti di kalangan golongan yang muflis pada usia muda di negara kita. Kajian ini dijalankan bagi membantu individu bagi mengenal pasti perbelanjaan yang terlibat dalam bajet bulanan pengguna. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk membantu individu mengurus perbelanjaan secara berhemah. Dengan memfokuskan kajian ini kepada semua golongan masyarakat, sistem yang dibangunkan ini dapat membantu golongan yang mengalami masalah pengurusan kewanagan peribadi seterusnya membantu negara mengurangkan jumlah individu yang muflis.

Dapatan kajian oleh Hani Bahiyah Bahari, Ummu Salmah Mohamad Hussin dan Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi (2019) mengenai kajian terhadap keberkesanan penggunaan sistem '*1 Government Financial Management Accounting System*' dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak mendapati dengan menaik taraf sistem lama kepada sistem baru dapat memberi impak dalam pelaksanaan pengurusan kewangan. Dapatan ini membangunkan satu sistem '*1 Government Financial Management Accounting System*' atau dikenali sebagai 1GFMAS yang menggantikan sistem Perakaunan Terimaan Kerajaan (eTerimaan), sistem Perancangan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) dan *Governement Financial Management and Accounting System* (GFMAS) membolehkan pelaporan pelaksanaan perakaunan akruan dijana dengan lebih telus dan tepat. Kajian ini dijalankan keatas pemegang-pemegang Id Pengguna dan Katalaluan yang dibekalkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) terdiri daripada warga pejabat pendidikan daerah seluruh negeri Perak yang terdiri dari Pegawai Pendidikan, Ketua Pembantu Tadbir dan dll. Hasil kajian Jamaliah Jainal dan Norida Basnan (2018) menunjukkan tahap penggunaan maklumat perakaunan dalam pembuatan keputusan adalah tinggi dan faktor sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mempunyai hubungan signifikan yang positif terhadap tahap penggunaan. Manakala hasil kajian daripada pengkaji dapat disimpulkan bahawa penggunaan 1GFMAS dalam pengurusan kewangan mampu memberi kesan yang positif. Serta tahap kepuasan yang tinggi daripada pengguna telah membuktikan bahawa wujudnya tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan penggunaan 1GFMAS sebagai mekanisma atau sistem pembayar berkomputer yang hebat.

Akhir sekali, kajian daripada Noor Lela Ahmad dan Nadiah Farhanah Mohd Fazil (2021) mengenai kajian pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar perakaunan universiti awam menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dengan golongan muda. Kajian yang dibuat menggunakan metod instrumen soal selidik bagi mengumpul data bertujuan meneliti isu pengurusan kewangan dan kepentingannya sebagai pemangkin pembangunan keupayaan keusahawanan yang melibatkan 238 orang mahasiswa dari empat buah universiti awam di Malaysia. Kajian yang dibuat keatas mahasiswa tahun akhir dari jurusan perakaunan dari universiti berkaitan dibahagi kepada 3 bahagian instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai dari *Two-Dimensional Model* oleh Media Research Consultants Pte Ltd (OECD, 2005). Dapatan kajian menunjukkan kemahiran pengurusan kewangan mahasiswa berada pada tahap sederhana dan tinggi. Mahasiswa yang memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi cenderung mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan dengan baik seterusnya memberi impak yang positif terhadap pembangunan keusahawanan dan dapat mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka.

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan laman web *'eFinance4u'* sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, kaedah tinjauan awal keperluan kajian dan produk inovasi, prosedur teknik penghasilan projek, bahan dan peralatan serta kaedah penganalisisan data.

## 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata iaitu aplikasi jejak perbelanjaan dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu temuduga secara atas talian dan bersemuka. Selain itu, tinjauan awal juga dijalankan kepada peniaga kecil diperingkat awal bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan bagi mendapatkan sedikit maklumat tentang peniaga kecil dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.

### 3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 5 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual yang dilakukan secara bersemuka dan juga atas talian bersama responden. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

Hasil tinjauan awal temu bual yang pengkaji lakukan bersama responden selepas diajukan beberapa soalan kepada 5 orang responden. Pengkaji mendapati kelima-lima responden mempunyai masalah dalam perancangan kewangan dari segi merekod data jualan, menyimpan resit pembelanjaan dan sebagainya. Berikut adalah soalan yang diajukan kepada 5 orang responden yang tinggal di pelbagai negeri.

Soalan pertama ialah adakah sebelum ini pernah mengetahui berkaitan dengan perancangan kewangan menurut Islam. Hasil temu bual bersama kelima-lima responden, pengkaji mendapati daripada 5 orang responden, terdapat 4 orang responden mengetahui dan hanya 1 orang sahaja belum pernah mengetahui berkaitan perancangan kewangan menurut Islam.

Soalan kedua yang diajukan ialah berkaitan apakah kaedah yang digunakan oleh responden dalam merekod data kewangan perniagaan sebelum ini. Hasil tinjauan pengkaji mendapati kelima-lima responden tiada rekod transaksi yang khusus kerana mereka merekod data jualan mengunakan buku log, *spreadsheet*, buku catatan dan sebagainya.

Soalan ketiga yang diajukan oleh pengkaji kepada responden ialah adakah responden pernah mengalami masalah pengurusan kewangan semasa menguruskan perniagaan sebelum ini. Sebagai contoh, terkeluar duit belanja sendiri semasa mengeluarkan modal. Hasil tinjauan, pengkaji mendapati kelima-lima responden menghadapi masalah tersebut disebabkan tiada sistem pengurusan kewangan yang sistematik menyebabkan modal tersebut diguna pakai untuk perbelanjaan peribadi.

Soalan keempat pengkaji ajukan kepada responden adalah berkaitan dengan adakah sebelum ini responden mengetahui secara terperinci tentang aliran wang keluar yang telah dibelanjakan. Hasil temu bual pengkaji mendapati kelima-lima peniaga kecil ataupun responden hanya mengetahui jumlah aliran wang keluar dan keuntungan secara kasar sahaja namun tidak mengetahui keuntungan secara tepat kerana hanya mengira kewangan tersebut secara kasar sahaja tanpa mengambil kira kos-kos berkaitan yang lain.

Soalan kelima adalah berkaitan dengan apakah masalah yang dihadapi dalam menentukan pendapatan dan keuntungan. Hasil temu bual pengkaji mendapati daripada 5 orang responden, hanya 4 orang daripadanya menganggap pendapatan dan keuntungan mempunyai maksud yang sama. Hal ini menyebabkan responden tidak dapat menentukan kewangan dengan terperinci dan hanya seorang responden sahaja tidak mempunyai masalah tersebut.

Soalan keenam berkaitan adakah peniaga kecil dapat membezakan produk yang dibenarkan untuk ditawarkan di pasaran bagi mematuhi prinsip syariah Islam. Hasil yang diperolehi daripada responden pengkaji mendapati kesemua responden dapat membezakan perkara berikut dan barang yang dijual merupakan barang yang sah disisi syariah Islam.

Soalan yang terakhir iaitu soalan ketujuh yang pengkaji ajukan kepada responden adalah adakah responden membuat simpanan kecemasan dalam perniagaan. Hasil tinjauan ini pengkaji mendapati kelima-lima responden tidak mempunyai simpanan kecemasan berikutan kerana menganggap perkara berikut tidak penting disebabkan mereka adalah peniaga kecil yang baru mula menceburi bidang peniagaan. Berdasarkan daripada soalan yang diajukan kepada responden pengkaji mengharapkan dengan terhasilnya produk inovasi yang akan dihasilkan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi peniaga-peniaga kecil diluar sana.




**Rajah 3.1 Sesi temu bual bersama responden yang tinggal di Kubang Semang, Pulau Pinang**




**Rajah 3.2 Sesi temu bual bersama responden yang tinggal di Sungai Petani, Kedah**




**Rajah 3.3 Sesi temu bual bersama responden yang tinggal di Kubu Gajah, Selama Perak**




**Rajah 3.4 Sesi temu bual bersama responden yang tinggal di Jitra, Kedah**



**Rajah 3.5 Sesi temu bual bersama responden yang tinggal di Taiping, Perak**

### 3.2.2 Kaedah / Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolehgunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk bagi memudahkan setiap pengguna untuk menggunakannya khususnya dari kelompok peniaga kecil. Selain itu, produk juga harus memberi impak dan keberkesanan yang positif kepada para pengguna.

**Langkah 1**

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan isi kandungan bersama ahli kumpulan.




Rajah 3.2.1 Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Seperti yang tertera di gambar rajah 3.2.1 tersebut merupakan perbincangan pertama kami selepas pengagihan tugasan masing-masing dan penerangan lanjut daripada pensyarah dan penyelia kami. Selain itu, kami memulakan perbincangan berkenaan produk inovasi yang ingin ditubuhkan. Dengan cara perbincangan ini secara amnya memudahkan ahli kumpulan untuk mengetahui dengan lebih lanjut hasil perbincangan dan saling bertukar pendapat antara satu sama lain. Akhirnya, di hujung perbincangan, pengkaji sebulat suara bersama ahli yang lain untuk menghasilkan produk inovasi berbentuk aplikasi atas talian ***'website'.***

**Langkah 2**

Pengkaji melakukan proses melihat contoh laman web yang sedia ada untuk mencari idea bagi membina produk inovasi dan melakukan perbincangan awal bersama ahli kumpulan.




Rajah 3.2.2 Perbincangan bersama ahli kumpulan untuk mencari idea produk

Seperti yang tertera di gambar rajah 3.2.2, tersebut merupakan perbincangan bersama ahli kumpulan untuk mencari idea produk yang akan dihasilkan. Pada waktu yang sama, pengkaji juga memberi idea dan pendapat untuk menggunakan *‘software Laravel 8’* sebagai bahan alatan utama untuk menghasilkan produk. Dalam perbincangan ini juga, pengkaji melihat beberapa aplikasi yang sedia ada untuk merangka idea produk inovasi. Ini sedikit sebanyak dapat membantu kami dalam penghasilan produk.

**Langkah 3**

Pengkaji melakukan proses reka bentuk/rangka dalaman produk.




LIST ITEM DALAM APLIKASI FYP :

1. Template (pop up sahaja time buka apps)
   - Hanya sekadar iklan pengenalan.
   - Template ni nanti kami create nah.

2. Kalendar
   - Pengguna apps ni boleh pilih la bila depa rekod data.
   - Kalau macam renyah nak create the whole calendar, create by months sahaja pon okay dah. Ikut yang mana nazrin senang nak buat la nahh.

Rajah 3.2.3  Hasil perbincangan rangka kerja produk aplikasi

Seperti di gambar rajah 3.2.3, tersebut merupakan hasil perbincangan rangka kerja produk daripada pengkaji bersama rakan pembantu yang pakar dalam menguruskan aplikasi. Berikut juga adalah hasil akhir rangka kerja produk sebelum proses penghasilan aplikasi yang sebenar. Dengan hasil perbincangan proses rangka kerja produk, sedikit sebanyak membantu memudahkan urusan penghasilan produk dan secara tidak langsung menjadikan proses penghasilan produk lebih teratur dan sistematik.

**Langkah 4**

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji membuat perbincangan bersama ahli kumpulan untuk melihat secara kasar berkenaan lakaran aplikasi dan data maklumat.




Rajah 3.2.4 Hasil pertemuan bersama ahli kumpulan dan melihat lakaran produk

Seperti di gambar rajah 3.2.4, tersebut merupakan hasil dari pertemuan seterusnya ahli kumpulan selepas menghasilkan rangka kerja yang perlu diletakkan di dalam aplikasi. Dalam masa yang sama, pengkaji menunjukkan lakaran dan draf secara kasar tentang aplikasi yang sedang dihasilkan. Tujuan untuk melihat draf aplikasi ini adalah untuk menambahbaik isi kandungan atau rangka kerja aplikasi sekiranya perlu. Dalam perbincangan ini juga, ahli kumpulan sebulat suara untuk menggunakan *software Navicat Premium* untuk penyimpanan *'database'* atau segala maklumat.

**Langkah 5**

Setelah langkah 4 selesai dilakukan, pengkaji berjumpa sekali lagi bersama Cik Nazrin untuk proses akhir penambahbaikkan dan kemaskini maklumat.




Rajah 3.2.5 Hasil perbincangan bersama ahli kumpulan dan penambahbaikkan aplikasi

Seperti di gambar rajah 3.2.5, tersebut merupakan hasil dari pertemuan seterusnya bersama ahli kumpulan selepas melihat rangka kerja atau draf aplikasi secara kasar. Dalam pertemuan ini juga pengkaji mencadangkan beberapa penambahbaikkan maklumat dari sudut elemen zakat dan sedekah.

**Langkah 6**

Akhir sekali , pengkaji membuat penambahbaikkan pada template muka hadapan aplikasi dan terus siap sedia untuk digunapakai.




Rajah 3.2.6  Hasil proses akhir dan penambahbaikkan templat muka hadapan aplikasi

Seperti di gambar rajah 3.2.6, tersebut merupakan proses akhir penambaikkan templat muka hadapan aplikasi dan sudah siap sedia untuk digunakan oleh pengguna dengan bertujuan kemudahan dalam sistem kewangan perniagaan.

### 3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem laman web seperti jadual di bawah:

| Bil | Perkara | Fungsi |
|---|---|---|
| 1. | Komputer peribadi | Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data |
| 2. | | |

### 3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis SWOT. Analisis SWOT yang digunakan dalam melaksanakan projek ini telah memberi impak yang positif kepada peniaga kecil. Hal ini dapat membantu peniaga kecil dalam menguruskan data kewangan mereka dengan lebih efisen. Analisis SWOT adalah singkatan daripada kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weakness*), peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*). Maksud kekuatan dan kelemahan adalah perkara yang dapat dikawal dalam perniagaan. Manakala maksud peluang dan ancaman pula adalah perkara yang tidak dapat mengubahnya tetapi dapat memanfaatkannya sebagai contoh terdapat pesaing yang melaksanakan perniagaan yang sama.

Penggunaan kaedah analisis SWOT telah memberi kebaikan dalam melaksanakan projek ini. Antara kebaikan mengunakan analisis SWOT ialah penyelidik dapat memahami projek yang dijalankan dengan baik. Selain itu, penyelidik juga dapat mengatasi kelemahan yang ada ketika melaksanakan projek ini dengan memberi penyelesaian yang tepat. Seterusnya, penggunaan kaedah analisis SWOT ini telah membantu penyelidik dalam mencegah kemungkinan ancaman yang bakal dihadapi oleh penyelidik ketika menjalankan projek. Disamping itu, kelebihan

menggunakan kaedah ini penyelidik dapat memanfaatkan peluang yang ada dengan lebih tepat. Akhir sekali, penggunaan kaedah analisis SWOT dalam melaksanakan projek ini mampu mengembangkan tujuan dan strategi yang sesuai untuk mencapainya.

| **Strengths** ( Kekuatan ) | **Weakness** ( Kelemahan ) |
|---|---|
| → Mengandungi nota ringkas berkaitan kewangan Islam.<br>→ Dapat mengira perbelanjaan dan mengumpul maklumat dalam laman web.<br>→ Penggunaan yang mudah hanya melalui gadget. | → Perlu menggunakan internet untuk penggunaan laman web. |
| **Opportunities** ( Peluang ) | **Threats** ( Ancaman ) |
| → Pengguna berpeluang untuk mempelajari sedikit tentang kewangan Islam.<br>→ Pengiraan lebih tepat dan teliti.<br>→ Memupuk sifat peka dalam perbelanjaan. | → Sikap segelintir peniaga yang tidak teliti dalam menguruskan kewangan perniagaan.<br>→ Laman web yang seakan sama dari pihak lain yang lebih moden dan terperinci. |

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

## 4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis keberkesanan produk. Seterusnya ialah perbincangan ketika membangunkan produk, diikuti dengan impak *eFinance4u* diakhiri dengan kos penghasilan projek.

## 4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

### 4.2.1 Projek Jenis Nyata

Produk pengkaji iaitu aplikasi inovasi *eFinance4u* merupakan produk jenis nyata.

#### a) Analisis SWOT

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara kekuatan laman web *eFinance4u* ialah produk inovasi ini mengandungi sedikit nota ringkas mengenai *Islamic Financial Planning.* Sedikit penjelasan nota ringkas ini dapat memudahkan pemahaman *Islamic Financial Planning* terhadap pengguna. Di samping itu, laman web *eFinance4u* dapat membantu pengguna dalam mengira perbelanjaan seharian serta mengumpul dan menyimpan pelbagai maklumat. Antaranya, mengumpul resit perbelanjaan dan menyimpan segala data hasil penjualan dan perbelanjaan harian. Hal ini dapat memudahkan pengguna khususnya peniaga kecil yang sebelum ini tiada sebarang rekod jualan serta tiada pengiraan yang tepat dan sistematik dibuat ketika perniagaan dijalankan. Laman web *eFinance4u* dapat membantu pengguna menjimatkan masa dalam merekod segala hasil jualan mahupun perbelanjaan harian mereka.

Selain itu, laman web *eFinance4u* menggunakan konsep penggunaan yang sangat mudah dimana pengguna boleh sahaja mengakses laman web ini melalui telefon pintar atau komputer riba dimana-mana sahaja pada bila-bila masa. Ini secara tidak langsung dapat memudahkan pengguna kerana pada masa kini telefon pintar merupakan satu peranti yang amat penting dan merupakan keperluan asas kepada semua orang. Jadi dengan kemudahan ini secara tidak langsung dapat membantu sedikit sebanyak peniaga kecil dalam merekod hasil perniagaan mereka melalui peranti tersebut.

Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji mendapati kelemahan laman web *eFinance4u* ialah laman web ini hanya boleh diakses melalui telefon pintar atau komputer riba jika ianya terdapat rangkaian internet. Hal ini sedikit sebanyak merencatkan sedikit pergerakan sesebuah perniagaan. Lebih-lebih lagi peniaga yang menubuhkan perniagaannya di kawasan yang kurang liputan rangkaian internet yang baik dan menyeluruh .

Melalui dapatan daripada kajian yang dilakukan, peluang dalam laman web *eFinance4u* ini pengguna berpeluang untuk mempelajari sedikit sebanyak tentang *Islamic Financial Planning*. Hal ini kerana di dalam laman web ini kami turut kepilkan elemen sedekah dan zakat buat pengguna agar mereka sedar 2 elemen ini penting dalam perniagaan. Faktor seterusnya adalah dengan penghasilan laman web ini, ianya dapat memupuk sifat peka dalam perbelanjaan secara tidak langsung dapat membantu pengguna merancang perbelanjaan dalam perniagaan.

Bukan itu sahaja, terdapat juga ancaman terhadap laman web *eFinance4u* seperti laman web ini kelihatan seakan sama dengan laman web dan aplikasi yang wujud terlebih dahulu dengan lebih moden dan terperinci. Selain itu, *eFinance4u* mungkin akan dikembangkan oleh pesaing kerana ianya belum mendapat hak cipta.

### b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisi keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 5 responden. Sebanyak 7 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas berkaitan keberkesanan produk *eFinance4u*.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk *eFinance4u*

| Bil | Item soalan | Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Setuju | Sangat setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Adakah penggunaan bahasa didalam eFinance4u sesuai danmudah difahami ? | 0 | 0 | 1 | 4 |
| 2. | Adakah eFinance4u ini dapat menyelesaikan masalah anda , Khususnya dalam kewangan perniagaan ? | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 3. | Adakah eFinance4u ini dapat membantu anda memahami perancangan kewangan menurut islam dengan lebih jelas? | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 4. | Adakah eFinance4u ini menjimatkan masa anda kerana dapat digunakan dimana sahaja? | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 5. | Adakah informasi maklumat yang terdapat didalam eFinance4u dapat menambah sedikit sebanyak kefahaman anda? | 0 | 0 | 4 | 1 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Adakah eFinance4u menjaga data privasi anda yang menyebabkan anda yakin untuk menggunakannya ? | 0 | 0 | 1 | 4 |
| 7. | Cadangkan penambahbaikan (jika ada)? | - | - | - | - |

**PENILAIAN DARIPADA 5 ORANG RESPONDEN**




Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 4 orang memilih sangat setuju dan hanya 1 orang sahaja pilih setuju.



Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 3 orang dari responden memilih sangat setuju dan 2 orang setuju.




Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 3 orang dari responden memilih sangat setuju dan 2 orang setuju.




Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 3 orang dari responden memilih sangat setuju dan 2 orang setuju.




Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 4 orang memilih setuju dan hanya 1 orang sahaja pilih sangat setuju.




Hasil daripada soal selidik dari responden pengkaji mendapati dari 5 orang responden 4 orang memilih sangat setuju dan hanya 1 orang sahaja pilih setuju.




Ini merupakan cadangan yang dikemukan oleh responden untuk tujuan penambahbaikkan *eFinance4u*.

## 4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Kelebihan produk inovasi yang dibangunkan iaitu aplikasi atas talian ***'website'*** adalah membolehkan responden iaitu peniaga kecil dapat mengakses ke akaun masing-masing. Oleh itu, setiap transaksi data perniagaan yang dilakukan oleh peniaga di dalam aplikasi ***'website'*** tersebut adalah terjamin dan selamat. Hal demikian kerana, data perniagaan tersebut tidak boleh dilihat oleh orang sembarangan atau diubah sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Seterusnya, aplikasi ***'website'*** biasa yang lepas hanya boleh dilihat dan digunakan tanpa boleh menyimpan data, namun inovasi aplikasi ***'website'*** yang dibangunkan oleh pengkaji membolehkan responden iaitu peniaga kecil membuat perubahaan dan mengemas kini setiap rekod data masing-masing. Selain itu, aplikasi ***'website'*** ini juga sangat fleksible kerana peniaga boleh merekod data perniagaan mereka di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja. Slogan yang digunakan adalah *'anytime'* dan *'anywhere'*.

Kekurangan aplikasi ***'website'*** ini adalah hanya boleh di akses masuk dengan menggunakan rangkaian internet sahaja. Oleh itu, sekiranya responden tidak mempunyai rangkaian internet yang baik, maka proses dalam merekod data kewangan perniagaan akan tergendala. Masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah proses membangunkan produk inovasi aplikasi ***'website'***

ini mengambil masa yang agak lama dan perlu membuat pra percubaan dalam skala yang banyak sebelum diberikan kepada responden untuk digunakan. Selain itu, persaingan dan perbandingan daripada aplikasi ***'website'*** lepas yang lebih canggih. Namun begitu, kami akan berbalik semula kepada objektif kajian ini iaitu memudahkan pemahaman peniaga kecil mengenai kepentingan perancangan kewangan Islam dan membantu responden dalam menjejak kewangan harian mereka. Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan kepada 5 responden ini sahaja dan fokus utama ialah dapat membantu responden dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

### 4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

#### a) Impak Produk Terhadap Kos

Keberkesanan penggunaan inovasi aplikasi atas talian ***'website'*** telah membantu dalam penjimatan kos kepada responden kami iaitu peniaga kecil yang terletak di Kubu Gajah, Kubang Semang, Jitra, Sungai Petani dan Taiping. Hal yang demikian kerana responden tidak perlu lagi membeli peralatan lain untuk merekod data kewangan perniagaan mereka. Responden iaitu peniaga kecil hanya perlu menggunakan hujung jari dan telefon pintar yang sedia ada untuk merekod data perniagaan tersebut di dalam aplikasi atas talian ***'website'.*** Oleh hal yang demikian, penggunaan aplikasi ***'website'*** ini dapat menjimatkan kos dalam kalangan peniaga kecil untuk menjalankan aktiviti harian dalam perniagaan mereka.

## b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan aplikasi atas talian ***'website'*** ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi pengurusan merekod data kewangan peniaga kecil berbanding dengan keadaan sebelumnya. Hal demikian kerana sebelum ini sekiranya responden iaitu peniaga kecil merekod data perniagaan tersebut di buku log, *spreadsheet*, buku catatan dan sebagainya. Maka aktiviti tersebut akan mengambil masa yang lama kerana responden perlu mengira secara manual satu-persatu setiap data yang direkod. Namun begitu, dengan adanya produk inovasi yang dibangunkan oleh pengkaji membolehkan pengiraan nilai terus dipamerkan apabila peniaga merekod setiap transaksi dalam perniagaan seperti nilai jualan, modal yang dikeluarkan, transaksi perbelanjaan dan transaksi pembayaran zakat dan sedekah. Oleh hal yang demikian menunjukkan aplikasi atas talian ***'website'*** ini dapat menjimatkan masa peniaga kecil.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap masa

| BUTIRAN | SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|---|
| Masa merekod data kewangan perniagaan | 1 Jam | 15 Minit |
| Masa pengiraan zakat dan sedekah | 10 Minit | 5 Minit |
| Masa pengiraan pendapatan dan keuntungan perniagaan | 20 Minit | 5 Minit |
| Masa pengiraan perbelanjaan | 20 Minit | 5 Minit |

## c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan aplikasi ***'website'*** dapat dilihat dari segi memudahkan urusan pihak responden iaitu peniaga-peniaga kecil dan membantu peniaga kecil menguruskan perniagaan mereka dengan lebih cekap dan sistematik. Hal ini kerana produk aplikasi atas talian ***'website'*** ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana jua. Melalui aplikasi ***'website'*** ini, peniaga dapat merancang perniagaan mereka dengan lebih teratur di bahagian nota perniagaan

dalam aplikasi ***'website'*** agar perniagaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkembang dari masa ke semasa. Selain itu, peniaga juga dapat menyimpan dan memuat naik resit belanja di dalam aplikasi ***'website'*** agar memudahkan urusan merekod nilai perbelanjaan. Seterusnya, peniaga lebih mudah dan lebih berdisplin dalam menyimpan wang kecemasan untuk perniagaan kerana aplikasi ***'website'*** kami juga menyediakan kemudahan tabung kecemasan untuk peniaga kecil.

**Jadual 4.2:**

| ASPEK | SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|---|
| Kecekapan | Memuaskan | Amat Baik |
| Kemudahan | Memuaskan | Amat Baik |

## 4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan produk inovasi *'eFinance4u'*.

Jadual 4.3:

| BIL. | BUTIRAN | KOS (RM) |
|---|---|---|
| | | Kad Inovasi Harga 1 |
| 1 | Laman web | RM 200.00 |
| | | |

# BAB 5

# KESIMPULAN DAN CADANGAN

## 5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk *eFinance4u* yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu permasalahan peniaga kecil dalam merekod data jualan harian dan transaksi perbelanjaan harian pengguna. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

## 5.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, semua objektif kajian ini telah dicapai apabila hipotesis-hipotesis kajian telah diterima dan berjaya membuktikan bahawa inovasi yang kami hasilkan dapat membantu peniaga dan usahawan PMKS menjejak dan menguruskan kewangan perniagaan mereka. Bukan itu sahaja, objektif kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa produk inovasi ini iaitu *eFinance4u* dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan perancangan kewangan Islam (*Islamic Financial planning*) terhadap peniaga dan usahawan PMKS dalam masa yang sama juga kepada pengguna-pengguna *eFinance4u* itu sendiri.

Proses pembangunan produk iaitu pembangunan laman web *eFinance4u* merupakan suatu proses yang dilakukan bagi mengekalkan kebolehgunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Produk yang dibangunkan ini melalui beberapa proses bagi memastikan ianya seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Dan setiap proses yang dijalankan untuk membangunkan produk inovasi ini, telah kami pastikan ianya selari seperti mana objektif yang ditetapkan agar ianya dapat memberi impak dan keberkesanan yang positif kepada peniaga dan usahawan PMKS dan juga kepada pengguna *eFinance4u* itu.

Kesimpulan hasil dapatan kajian daripada analisis SWOT menunjukkan produk inovasi yang dibangunkan iaitu *eFinance4u* dapat diakses dengan mudah dimana-mana sahaja pada bila-bila masa. Serta, produk inovasi ini menunjukkan beberapa kelemahan dimana, walaupun ianya dapat diakses dimana-mana sahaja, tetapi laman web *eFinance4u* ini memerlukan rangkaian internet yang kuat untuk disambung terus kelaman web tersebut. Mahupun begitu, laman web ini memberi peluang kepada peniaga dan usahawan PMKS dan pengguna *eFinance4u* itu sendiri untuk mempelajari mengenai perancangan kewangan Islam dan juga pengurusan kewangan perniagaan dengan lebih cekap dan sistematik. Akhir sekali, hasil kajian mendapati terdapat juga ancaman pada inovasi yang dibangunkan kerana ianya belum mempunyai hak cipta yang sah dan mungkin akan dikembangkan oleh pesaing atau pengkaji yang akan datang.

## 5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), orang awam dan pengkaji masa akan datang.

### 5.3.1 Cadangan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dicadangkan agar pihak peniaga dan usahawan PMKS menggunakan *eFinance4u* sebagai satu medium untuk menguruskan kewangan perniagaan mereka. Seterusnya peniaga dan usahawan PMKS perlu menambah ilmu dalam perancangan kewangan Islam dengan menghadiri kursus atau seminar berkaitan perancangan kewangan Islam yang dianjur oleh mana-mana pihak atau agensi berkaitan agar dapat mencapai matlamat perniagaan yang mematuhi syariah dan akhirnya mendapat keberkatan daripada Alla S.W.T.

### 5.3.2 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang akan membuat kajian mengenai penggunaan laman web atau aplikasi jejak wang yang sedia ada dan membuat penambahbaikan dan inovasi dengan membuat lebih baik serta mesra pengguna, disarankan agar melanjutkan kajian dalam peringkat yang lebih terperinci contohnya memfokuskan kajian atau luaskan responden kajian kepada peniaga yang mempunyai syarikat besar dan sederhana kerana kajian yanng dibuat hanya memfokuskan kepada peniaga kecil.

### 5.3.3 Cadangan kepada agensi-agensi terlibat

Kajian ini turut diharapkan mampu bekerjasama dengan pihak luar dan menarik minat badan-badan yang terlibat, khususnya ditujukan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk dijadikan garis panduan awal untuk menerapkan amalan pengurusan kewangan perniagaan dikalangan peniaga-peniaga kecil diluar dan didalam bandar. Di samping itu, memberi sokongan yang padu bagi memperhebat perniagaan peniaga serta mengeratkan hubungan agensi dengan peniaga agar keduanya dapat menerima manfaat daripada kedua-dua pihak.

## 5.4 LIMITASI PROJEK

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada syarikat milikan tunggal sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada golongan peniaga kecil yang berniaga secara kecil-kecilan. Antara contoh perniagaan kecil yang dijalankan oleh responden untuk projek ini adalah seperti perniagaan berasaskan makanan dan kosmetik. Selain itu, platform perniagaan yang dijalankan oleh responden bukan sahaja di atas talian malah turut terdapat perniagaan yang dijalankan secara bersemuka di premis bangunan. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan

penggunaan sistem pengurusan pangkalan data perniagaan yang diusahakan oleh responden kami.

Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan. Oleh itu, kami perlu mengehadkan jumlah responden agar kualiti projek ini terjamin. Selain itu, projek kajian ini dilaksanakan semasa pandemik *Covid-19*. Oleh itu, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian secara bersemuka dan bersama-sama memandangkan tempat tinggal pengkaji adalah daripada negeri yang berlainan. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu mengurus masa dengan baik untuk membuat perjumpaan di atas talian untuk berbincang berkenaan projek dan inovasi yang dibangunkan. Seterusnya, pengkaji juga perlu mengehadkan pergerakan ke tempat perniagaan responden demi menjaga keselamatan diri masing-masing. Selain itu, sistem aplikasi ***'website'*** ini adalah merupakan perkara yang baharu untuk pengkaji. Oleh disebabkan itu, pengkaji perlu mengambil masa yang agak lama untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan aplikasi ***'website'*** yang ingin dibangunkan.

## 5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pengkaji merumuskan bahawa objektif yang ditetapkan telah tercapai. Oleh itu, sepanjang penghasilan laman web *eFinance4u* ini perlu mempunyai peranan yang penting dalam menentukan kejayaan laman web *eFinance4u* ini. Walaupun begitu, laman web *eFinance4u* ini dapat membantu peniaga kecil dalam menguruskan kewangan harian mereka dengan lebih mudah dan efesien. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa laman web *eFinance4u* yang dihasilkan telah memberi kesan yang baik terhadap pengguna dalam menguruskan kewangan perniagaan mereka dan juga seiring dengan era modernisasi.

**RUJUKAN**


Ab. Mumin Ab. Ghani (1999). Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysia, 1-24.

Mohd Faizal P.Rameli, Suhaida Mohd Amin, & Norajila Che Man et.al. (2019). Pengurusan Kewangan Islam dalam Kalangan Muslimpreneurs menurut Perspektif Ilmuwan Islam di Malaysia. *Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 1-3.

Norfaizah Othman & Fadilah Mat Nor. (2021). Konsep Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik *Covid-19*. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 3-10.

Mohd. Amim Othman, Husniyah Abd. Rahman, & Ab. Mumin Ab. Ghani et.al. (2015). Perancangan Kewangan dan Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Penjawat Awam Beragama Islam. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 1-16.

Muhamad Nur Aiman Mohd Noor, Junaina Muhammad, & Mohd Daud Awang et.al. (2017). Knowledge and Application of Islamic Financial Planning Among Small and Medium Enterprises Halal Operators in Peninsular of Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 2(1), 2.

Noor Izyani Hassan Sabri & Khadijah Alavi. (2019). Meneroka Literasi Perancangan Kewangan Belia B40 Berpandukan Pendidikan Psikososial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-4.

Nur Fateeh Zulkarnain Bahari Idrus. (2018). Aplikasi Mudah Alih Pengurusan Kewangan (SMARTGAJI). *Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.* https://www.ftsm.ukm.my

Husaina Banu Kenayathulla, Ranjeetham Subramaniam, & Muhammad Faizal A. Ghani. (2015). Pengurusan Kewangan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kuala Kangsar, Perak. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 62-82.

Surayah Ab Rahmad, et.al. (2018). Penggunaan Perisian dalam Meningkatkan Tahap Keberkesanan Pengurusan Kewangan Peribadi Komuniti. *Human Sustainability Procedia*, 1-7.

Hani Bahiyah Bahari, Ummu Salmah Mohamad Hussin, & Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi. (2019). Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '*1 Government Financial Management Accounting System*' dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak. *Al Qimah Al Mudhafah The Journal of Management and Science (ALQIMAH),* 5(1), 1-7.

Noor Lela Ahmad & Nadiah Farhanah Mohd Fazil. (2018). Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Perakaunan Universiti Awam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(10), 99-112.

Temubual bersama:

a) Puan Sakina, Peniaga yang bertanggungjawab di Kedai Aien Mee Rebus, Kubu Gajah, Selama, Perak. https://tinyurl.com/yc6vrttj
b) Cik Izzah Anuar, Peniaga yang bertanggungjawab dalam Kedai Pizza Anuar di Kubang Semang, Pulau Pinang. https://tinyurl.com/3e8v6dzv
c) Cik Alifah Illyana yang bertanggungjawab menguruskan Ailly.Beautystore di Jitra, Kedah. https://tinyurl.com/896jzrua
d) Cik Nurul Fatini, Peniaga yang bertanggungjawab dalam perniagaan Imanis Dessert di Taiping, Perak. https://tinyurl.com/y9c4p62a
e) Hamdan https://tinyurl.com/mucksnak

# LAMPIRAN 1

POLITEKNIK MALAYSIA
SEBERANG PERAI

**INOVASI *EFINANCE4U* DALAM MENGURUSKAN KEWANGAN ISLAM DI KALANGAN PENIAGA KECIL**

**SOAL SELIDIK**

1. Adakah penggunaan bahasa didalam *eFinance4u* sesuai dan mudah difahami?

2. Adakah *eFinance4u* ini dapat menyelesaikan masalah anda, khususnya dalam kewangan perniagaan?

3. Adakah *eFinance4u* ini dapat membantu anda memahami perancangan kewangan menurut Islam dengan lebih jelas?

4. Adakah *eFinance4u* ini menjimatkan masa anda kerana dapat digunakan dimana sahaja?

5. Adakah informasi maklumat yang terdapat didalam *eFinance4u* dapat menambah sedikit sebanyak kefahaman anda?

6. Adakah *eFinance4u* menjaga data privasi anda yang menyebabkan anda yakin untuk menggunakannya?

7. Cadangkan penambaikan (jika ada)?

Contoh soalan soal selidik

**LAMPIRAN 2**

Link laman web *eFinance4u* : https://efinance4u.apsb.tk

## LAMPIRAN 3


12:01 PM Mon 10 Jan
65%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
EFINANCE4U
Register
Login
Welcome to eFinance4u.
eFinance4u
aeinmeerebus@gmail.com
Remember me
Sign in
Forgot password?
Create new account
© 2022 Creative Tim & Updivision
Creative Tim
Updivision
About Us
Blog
MIT License


12:01 PM Mon 10 Jan
65%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Spending
+ Add Spending
Search:
DATE
SPENDING TYPE
AMOUNT (RM)
2021-12-01 Barang dapur 120.00
2021-12-31 Gaji pekerja 2400.00
2021-12-30 Urusan baiki kedai 250.00
2021-12-31 Bill elektrik dan air 400.00
2021-12-18 Peralatan dapur dan keperluan kedai 95.00
2022-01-01 Barang dapur 2000.00
2022-01-07 Peralatan dapur dan keperluan kedai 300.00
2022-01-15 Gaji pekerja 2400.00


12:18 PM Mon 10 Jan
64%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Income
+ Add Income
Search:
DATE
INCOME
AMOUNT
QUANTITY
TOTAL
2021-12-01 Mee Rebus RM 5.00 15 RM 75.0
2021-12-25 Mee Goreng Mamak RM 5.00 8 RM 40.0
2021-12-19 Kuey Teow Goreng Kerang RM 5.00 2 RM 10.0
2021-12-20 Bihun Sup RM 4.00 5 RM 20.0
2021-12-20 Kuey Teow Goreng Kerang RM 5.00 7 RM 35.0
2021-12-20 Mee Rebus RM 5.00 3 RM 15.0
2021-12-21 Nasi Lemak RM 3.00 31 RM 93.0
2021-12-21 Char Kuey Teow RM 6.00 4 RM 24.0
2021-12-21 Kuey Teow Goreng Kerang RM 5.00 10 RM 50.0


12:18 PM Mon 10 Jan
64%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Category Setting
+ Add Category
Search:
NO
CATEGORY NAME
ACTION
1
Barang dapur
2
Gaji pekerja
3
Urusan baiki kedai
4
Bill elektrik dan air
Showing 1 to 4 of 4 entries
© 2022 Creative Tim & Updivision
Creative Tim
Updivision
About Us
Blog
MIT License


12:18 PM Mon 10 Jan
64%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Product
+ Add Product
Search:
NO
PRODUCT
PRICE
ACTION
1 Mee Rebus RM 5.00
2 Nasi Lemak RM 3.00
3 Char Kuey Teow RM 6.00
4 Bihun Sup RM 4.00
5 Laksa RM 4.00
6 Mee Goreng Mamak RM 5.00
7 Kuey Teow Goreng Kerang RM 5.00
Showing 1 to 7 of 7 entries


12:18 PM Mon 10 Jan
64%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Storage
+ Add Item
Search:
DATE UPLOAD
TITLE
ACTION
09-01-2022
Resit
09-01-2022
Resit
Showing 1 to 2 of 2 entries
© 2022 Creative Tim & Updivision
Creative Tim
Updivision
About Us
Blog
MIT License


12:11 PM Mon 10 Jan
efinance4u.apsb.tk
64%
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
INCOME (THIS MONTH)
RM 6802.00
TOTAL SALES MADE (THIS MONTH)
6
SPENDING (THIS MONTH)
RM 790.00
Product
+ Add Checklist
Search:
NO
THING TO DO
STATUS
1
Sale Jan 2022 - RM12,000
Pending
2
Sale Disember >5000
Done !
3
COD di kawasan Selama
Done !
4
Tempahan Mee Rebus - 3 Disember
Done !
5
Tempahan nasi lemak - 30 bungkus (pagi)
Done !


12:02 PM Mon 10 Jan
65%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
WAQAF PEMBANGUNAN AKADEMI TAHFIZ HAYATUL MUSLIM
Bantuan untuk anak-anak tahfiz
Maybank
89348234783
PONDOK TAHFIZ PERMATA MAKMUR
Pembinaan Sekolah Tahfiz Al-Azahat, Jitra
Maybank
37182748172
Pusat jagaan Anak yatim Sri Kundang
Maybank
562740123562
PUSAT PENDIDIKAN LIMPAHAN KASIH
Maybank
562777200627
RUMAH KASIH NURUL HASANAH
Maybank
56777213969


12:02 PM Mon 10 Jan
65%
Done
AA
efinance4u.apsb.tk
eFinance4u
Dashboard
Records
Spending
Income
Category Setting
Product
Storage
Zakat & Sedekah
Zakat
Pastikan anda sudah tunaikan zakat sebagai peniaga.
Untuk tahu lebih lanjut, sila tekan button ke laman sesawang Zakat Malaysia.
ke Zakat Malaysia
© 2022 Creative Tim & Updivision
Creative Tim
Updivision
About Us
Blog
MIT License